

Pengunduran Dr. M tiada kaitan dengan pilihan raya

Oleh YUSRI SAHAT

KUALA LUMPUR 26 Jun – Peletakan jawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selepas Oktober 2003 tidak ada kaitan dengan kemungkinan berlakunya pilihan raya umum tahun depan.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Megat Junid Megat Avub berkata, dalam pertemuan dengan Dr. Mahathir di Seri Perdana, Putrajaya, Ahad lalu, beliau hanya memberi alasan untuk menghadiri Sidang Kemuncak Pertubuhan Islam (OIC) sebelum meletakkan jawatan.

Perdana Menteri akan meletakkan jawatannya tahun depan, bukan kerana untuk menghadapi pilihan raya,” katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi hari ini.

Kemuncak

Beliau mengulas keputusan **Majlis Tertinggi (MT) UMNO** yang menerima hasrat Dr. Mahathir yang akan melepaskan jawatan sebagai Perdana Menteri, Presiden UMNO, Pengerusi Barisan Nasional (BN) dan semua jawatan dalam parti selepas Oktober 2003.

Peletakan jawatan itu akan dibuat selepas sidang kemuncak OIC

yang dijangka diadakan pada 24 hingga 25 Oktober tahun depan.

Dengan keputusan itu, Perdana Menteri menamakan Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya.

Megat Junid memberitahu, kehadiran Dr. Mahathir pada sidang kemuncak itu adalah atas desakan para pemimpin negara Islam lain.

Tanpa kehadiran Dr. Mahathir, jelas beliau, mungkin tidak ramai pemimpin negara Islam akan hadir pada sidang berkenaan.

“Ini kerana mereka (pemimpin negara Islam) melihat kekuatan yang ada pada Dr. Mahathir yang

disegani oleh kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat (AS),” katanya.

Ditanya sama ada Dr. Mahathir menamakan Timbalan Perdana Menteri apabila Abdullah menjadi Perdana Menteri, katanya: “Beliau (Perdana Menteri) tidak mencajangkan sebarang nama.”

Pelantikan Timbalan Perdana Menteri, katanya, adalah bidang kuasa Abdullah apabila menjadi Perdana Menteri nanti.

Beliau menarik perhatian, formula peralihan kuasa berhubung kedudukan Perdana Menteri, Pre-

■ Lihat muka 5

Pengunduran Dr. M tiada kaitan dengan pilihan raya

siden UMNO dan Pengerusi BN adalah cadangan daripada Dr. Mahathir tanpa dipegaruhi Jawatankuasa Pengurusan UMNO.

“Kita menghormati keputusannya dan menerima cadangan Perdana Menteri mengenai formula peralihan kuasa itu,” jelasnya.

Dalam pada itu, Megat Junid menjelaskan, pihaknya akan memberi penerangan di peringkat akar umbi berhubung keputusan Dr. Mahathir itu.

Program penerangan itu, katanya, akan bermula di Kedah pada Jumaat ini dan diikuti Perlis pada keesokannya.

“Kita tahu ada ahli UMNO sukar menerima kenyataan ini dan kita akan memberi penerangan sejelas-jelasnya,” tambah beliau.